

08 JUN 1999

Mohd Tajol-Pelan

JPM MINTA KERAJAAN NEGERI LULUSKAN SEGERA PELAN PROJEK

ALOR SETAR, 8 Jun (Bernama) -- Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Seri Mohd Tajol Rosli meminta kerajaan negeri mempercepat kelulusan pelan projek-projek yang akan dilaksanakan di bawah jabatan itu untuk mengelakkan timbulnya masalah ke atas peruntukan yang telah diluluskan oleh perbendaharaan.

Beliau berkata setakat ini beberapa kerajaan negeri dikenal pasti mempunyai masalah dalam memberikan kelulusan pelan projek terbabit, walaupun peruntukan telah disediakan.

"Kerajaan negeri terbabit diminta segera berbincang dengan jurutera dan arkitek untuk proses kelulusan ini...kita mahu projek ini cepat dilaksanakan," katanya yang enggan mendedahkan negeri terbabit.

Bercakap kepada pemberita selepas melawat projek pembangunan ummah di Masjid Sultanah Bahiyah di sini hari ini, Mohd Tajol berkata sejumlah RM1.24 bilion telah diluluskan oleh perbendaharaan untuk projek-projek di bawah JPM di seluruh negara pada tahun ini.

"Antara projek besar yang sedang dilaksanakan ialah bangunan pentadbiran kerajaan di Putrajaya, sementara yang akan dilaksanakan ialah projek perumahan untuk kakitangan angkatan tentera dan polis, balai polis serta mahkamah," katanya.

Beliau berkata JPM mesti menghabiskan semua peruntukan yang diberikan oleh perbendaharaan untuk mengelak timbulnya masalah ketika memohon peruntukan pada tahun depan.

Mohd Tajol berkata permintaan kepada kerajaan negeri ini adalah selaras dengan tugasnya sebagai pengerusi jawatankuasa pemantauan untuk projek-projek di bawah JPM, yang ditubuhkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini.

Sementara itu, beliau yang terdahulu mengadakan pertemuan tertutup dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Kedah di Wisma Darul Aman di sini berkata terdapat tujuh projek di bawah JPM di negeri ini.

"Semua projek itu melibatkan sejumlah RM27 juta meliputi pembinaan rumah amal, rumah anak yatim, maahad tahfiz, asrama Insaniah dan mahkamah, selain projek yang dilawati hari ini," katanya.

Beliau berkata pihaknya meminta kerjasama Menteri Besar Kedah Tan Sri Sanusi Junid, setiausaha kerajaan negeri dan UPEN untuk menghabiskan kesemua RM27 juta yang diperuntukkan pada tahun ini.

-- BERNAMA

MAN RI